

BAB
KELIMA

BAB KELIMA:
HUKUMAN DAN PEMULIHAN PESALAH JUVENIL
MENURUT ISLAM

5.0: Pendahuluan

Perbincangan di dalam bab ini akan menyentuh mengenai konsep hukuman dan pemulihan pesalah juvenil menurut perspektif Islam. Perbincangan turut menyentuh mengenai pengertian juvenil menurut Islam dan hukuman-hukuman yang relevan ke atas mereka yang melakukan kesalahan. Beberapa modul Islam dalam pemulihan akhlak juga dibincang sebagai satu alternatif tambahan kepada modul yang sedia ada.

5.1:Hukuman Dan Pemulihan Pesalah Di Dalam Islam-Konsep Dan Matlamat

Hukuman yang dikenali sebagai '*uqūbah*' di dalam bahasa Arab ditetapkan bagi menjaga kepentingan masyarakat umum¹. Ia disyari'atkan dengan tujuan

menjaga kepentingan syarak (*maqāṣid syar'iyah*) yang terdiri daripada agama, nyawa, akal fikiran, keturunan dan harta manusia². Ini bererti, sesiapa yang merosakkan kepentingan-kepentingan syarak ini, sama ada satu atau kesemuanya, boleh dikenakan hukuman yang setimpal dengan kesalahan yang dilakukan³. Sebagai contoh, seseorang yang melakukan kesalahan zina adalah bersalah dan boleh dihukum di dalam Islam kerana ia telah mencabul kepentingan keturunan yang wajib dipelihara, merosakkan nasab atau keturunan, serta pewalian dan pewarisan, terutamanya setelah kelahiran anak hasil perzinaan tersebut.

Hukuman boleh dikatakan sebagai tindakan sesebuah masyarakat terhadap seseorang yang telah melanggar undang-undang, atau tindakan menuntut bela untuk memelihara kesejahteraan sesebuah masyarakat⁴. Menurut al Jazīrī, hukuman ialah suatu tegahan, dan akibat melakukan tegahan tersebut, ia juga adalah suatu pembalasan. Sesuatu hukuman di dalam Islam, contohnya seperti *ḥudūd*, disabitkan dengan ayat-ayat al Quran seperti ayat untuk kesalahan zina, mencuri dan sebagainya, serta sabit dengan hadith-hadith Rasulullah s.a.w, tindakan para sahabat dan ijmak para ulama⁵.

Hukuman di dalam Islam turut berperanan menjaga kebajikan pesalah dan mangsa di dunia dan akhirat. Pesalah yang telah dihukum sewaktu hidupnya di dunia akan terlepas daripada hukuman di akhirat, sebaliknya pesalah yang terlepas daripada hukuman semasa di dunia tidak bererti akan turut terlepas daripada hukuman sewaktu di akhirat kelak. Bagi pihak mangsa pula, hukuman setimpal yang dikenakan ke atas pesalah boleh mengelakkan wujudnya perasaan untuk membalas dendam. Situasi ini akan melahirkan pengajaran kepada masyarakat umum, sekaligus membantu menjaga keharmonian dalam sesebuah masyarakat dan negara.. Bagi 'Awdah, Ibnu Ḥumām dan Abū Zahrah,⁶ hukuman yang dijatuhkan ke atas setiap pesalah di dalam Islam mampu menimbulkan perasaan gerun dan takut di hati mereka, khasnya, dan di hati masyarakat, amnya. Ini mungkin berlaku apabila masyarakat berasa terhalang untuk melakukan sebarang kejahatan, dan pesalah berasa serik untuk mengulangi kesalahan yang pernah dilakukannya. Selain daripada itu, hukuman di dalam Islam juga adalah berkonsepkan pembalasan kepada pesalah atas kesalahan-kesalahan yang telah dilakukan, di samping bertindak membentuk dan memperbaiki peribadi mereka dengan lebih baik.

Hukuman di dalam Islam adalah berkonsep pencegahan secara umum dan khusus. Umumnya, ia mencegah segala unsur yang boleh membawa kerosakan

dan kejahatan dalam hidup seseorang. Ini berlaku, terutamanya apabila seseorang bertindak menghindari tegahan dan larangan agama kerana takutkan amaran dan janji pembalasan azab, sepertimana yang termaktub di dalam al Quran dan al Sunnah⁷. Manakala pencegahan secara khusus berlaku dalam pemulihan individu atau masyarakat yang terlibat dalam sesuatu kesalahan, terutamanya setelah pencegahan secara umum tidak berjaya mencapai matlamat yang dikehendaki. Tujuan utama pencegahan secara khusus ialah untuk mengenakan seksaan ke atas pesalah yang telah melakukan kejahatan dan dosa, juga untuk mengembalikan mereka ke jalan yang benar serta menjauhi mereka daripada maksiat⁸. Perkara ini jelas sebagaimana firman Allah s.w.t:

وَأَخَذْنَاهُم بِالْعَذَابِ لَعَلَّهُمْ يَرْجِعُونَ ...

Yang bermaksud:
Dan kami timpakan ke atas mereka azab supaya mereka kembali ke jalan yang benar.
(al Zukhruf: 48)

Adakalanya hukuman ke atas pesalah di dalam Islam mengandungi unsur-unsur kesaksamaan. Ini dapat dilihat, terutamanya dalam kesalahan yang melibatkan pencerobohan kepentingan manusia. Sebagai contoh, apabila seseorang pesalah menerima hukuman *qiṣās* yang sama bentuknya dengan kesalahan yang telah dilakukan terhadap mangsanya. Kesaksamaan di sini bertujuan untuk menjaga kepentingan pihak yang menjadi mangsa dalam sesuatu perbuatan jenayah. Oleh sebab itu, sekiranya hukuman persamaan atau *qiṣās* ini tidak dapat dilaksanakan dalam sesuatu kesalahan, seseorang pesalah dikehendaki membayar pampasan kepada mangsa atau waris mereka, yang dikenali sebagai *diyāt*, kecuali jika pihak mangsa memaafkan sahaja kesalahan tersebut⁹. Firman Allah s.w.t:

وَإِنْ عَاقَبْتُمْ فَعَاقِبُوا بِمِثْلِ مَا عُوقِبْتُمْ بِهِ وَلَئِنْ صَبَرْتُمْ لَهُوَ خَيْرٌ لِلصَّابِرِينَ ...

Yang bermaksud:

Dan jika kamu memberi balasan, maka hendaklah kamu balaskan dengan balasan yang sama dengan seksaan yang ditimpakan kepada kamu. Akan tetapi jika kamu bersabar, sesungguhnya itulah yang lebih baik bagi orang-orang yang sabar.

(*al Nahl: 126*)

Sesuatu hukuman di dalam Islam juga berperanan sebagai alat pemulihan¹⁰. Ini berlaku apabila sesuatu hukuman tersebut berupaya menginsafkan pesalah daripada terus melakukan kesalahan, sekaligus bertindak memulih dan memperbaiki peribadi mereka. Jelas di sini bahawa, tujuan sesuatu hukuman di dalam Islam ialah untuk menjaga kepentingan sesebuah masyarakat, melindungi mereka daripada kerosakan moral dan fizikal, menghapuskan sikap suka melanggar suruhan syarak atau mengerjakan larangan syarak, dan menyucikan dosa¹¹.

Syariat Islam turut menekankan aspek pemulihan bekas pesalah, khususnya setelah sesuatu hukuman dijalankan ke atas mereka. Aspek pemulihan ini perlu dalam konteks memastikan bekas pesalah tidak lagi terlibat dalam sesuatu jenayah setelah dihukum. Selain daripada itu, pemulihan juga bermaksud untuk membina ketahanan diri bekas pesalah dalam menangkis unsur-unsur yang boleh mengheret mereka kembali ke kancah jenayah. Justeru itu, matlamat yang diberi penekanan dalam aspek-aspek pemulihan ini ialah memberi pendidikan, pengajaran dan membentuk peribadi bekas pesalah, agar mereka berubah menjadi individu yang bermanfaat untuk semua dan tidak lagi menyusahkan sesiapa.

Antara aspek yang diutamakan dalam pemulihan bekas pesalah ialah pendidikan aqidah. Ia perlu bagi membentuk jati diri yang teguh dalam diri seseorang, yang kelak akan bertindak sebagai benteng diri mereka dalam menangkis sebarang unsur yang bertentangan dengan ciri-ciri kesucian aqidah. Kemantapan aqidah seseorang secara tidak langsung boleh membentuk peribadi mereka ke arah menggemari perkara-perkara yang baik, seperti menjaga kepentingan masyarakat bersama, dan membenci perkara-perkara yang buruk, seperti mencero boh hak seseorang secara tidak sah. Pendidikan aqidah dilakukan misalnya dengan mendidik seseorang mengenal sifat-sifat yang disukai atau dimurkai Allah s.w.t, mengenal rukun-rukun iman dan rukun-rukun Islam, kelebihan-kelebihan amalan yang baik dan keburukan-keburukan amalan yang buruk dan sebagainya¹².

Aspek pendidikan akhlak juga amat dititikberatkan di dalam pemulihan bekas pesalah. Ini kerana, pembinaan akhlak yang sempurna akan menghasilkan individu yang elok tingkahlaku mereka. Seseorang yang memiliki tingkahlaku yang elok, pastinya tidak mahu mencemarkan keelokan tersebut dengan melakukan perbuatan-perbuatan yang bertentangan dengan norma-norma kesusilaan, seperti berzina, mencuri, membunuh dan seumpamanya¹³.

Pemulihan bekas pesalah di dalam Islam juga berunsur pendidikan pencegahan, iaitu bekas pesalah dan masyarakat masing-masing mendapat pengajaran daripada hukuman-hukuman yang telah dilaksanakan ke atas pesalah. Rasionalnya, bentuk pengajaran yang diperolehi ialah, sesiapa yang melakukan kesalahan akan mendapat balasan (hukuman yang dikenakan), dan bentuk pencegahan yang diperolehi ialah keserikan bekas pesalah untuk terus melakukan kesalahan serta kegerunan masyarakat dengan hukuman-hukuman yang bakal menanti pesalah-pesalah di dalam Islam. Contoh yang jelas di sini ialah dalam pelaksanaan hukuman *hudūd* seperti potong tangan ke atas pencuri, sebat ke atas pezina atau bunuh dalam kesalahan murtad, ianya boleh memberi kesan yang mendalam ke jiwa orang ramai yang menyaksikannya¹⁴.

Matlamat pemulihan antara lainnya ialah untuk mewujudkan keamanan dan mengekalkan ketenteraman awam. Ini memandangkan kesalahan-kesalahan seumpama mencuri, membunuh dan sebagainya, boleh menggugat keamanan dan kestabilan dalam masyarakat dan negara. Perbuatan mencuri boleh mengancam keselamatan harta benda dan masyarakat, justeru itu, pelaksanaan hukuman secara Islam, sepertimana yang pernah dibuktikan oleh sejarah, berupaya dan berkesan dalam mengatasi masalah ini¹⁵. Hukuman potong tangan dalam kesalahan *hudūd* mencuri adalah merupakan suatu kewajaran,

kerana ia dapat memberi keinsafan kepada pesalah dan masyarakat awam, di samping membantu mencapai matlamat keamanan dalam sesebuah negara¹⁶.

Akhirnya, pemulihan juga bertujuan memulihkan imej bekas pesalah pada mata masyarakat. Ini bagi mengelakkan pandangan serong masyarakat terhadap mereka, yang akan mengakibatkan mereka terpinggir daripada kehidupan bermasyarakat, seterusnya menggagalkan matlamat pemulihan. Hukuman dan pemulihan di dalam Islam tidak sekali-kali bermaksud membalas dendam atau menghina pesalah, justeru itu, adalah menjadi tanggungjawab masyarakat untuk menerima bekas pesalah dengan baik, seterusnya membimbing mereka menjalani kehidupan seperti biasa¹⁷.

Jelas di sini bahawa, hukuman dan pemulihan masing-masing mempunyai peranan untuk menjaga keamanan dalam sesebuah masyarakat dan negara, iaitu dengan mengurangkan kadar jenayah yang berlaku. Hukuman, selain daripada sifatnya menghukum pesalah, ia juga berfungsi sebagai agen pemulihan dan pencegahan jenayah. Pelaksanaan hukuman dan pemulihan yang setimpal sahaja dapat mencapai matlamat keberkesanan pencegahan dan keamanan yang diinginkan.

5.2: Pesalah Juvenil Menurut Islam

Umumnya, terdapat dua kategori pesalah di dalam Islam, iaitu kanak-kanak atau juvenil (mengikut istilah masakini), dan dewasa. Pesalah kanak-kanak ialah mereka yang belum mencapai peringkat usia baligh, iaitu usia yang menunjukkan kesempurnaan dan kematangan akal fikiran seseorang. Oleh kerana itu, pesalah kanak-kanak di dalam Islam dianggap sebagai seorang yang belum mukallaf, tidak boleh dipertanggungjawabkan atas apa-apa perbuatan atau kesalahan. Manakala pesalah dewasa pula merupakan golongan yang telah baligh atau sampai umur dan telah wujud tanda-tanda kesempurnaan dan kematangan akal fikiran mereka. Mereka dikenakan tanggungjawab atas segala perbuatan yang dilakukan, kerana Islam telah meletakkan mereka sebagai golongan yang mukallaf¹⁸.

Penentuan mukallaf atau belumnya seseorang adalah didasarkan kepada beberapa faktor seperti sifat atau keadaan fisiologi mereka. Dalam hal ini, kanak-kanak merupakan golongan yang mempunyai sifat atau keadaan fisiologi yang belum sempurna, yang menggambarkan ketidaksempurnaan pertumbuhan fizikal dan keintelektualan mereka. Keadaan ini adalah normal

bagi setiap individu yang baru dilahirkan sehingga mereka mencapai usia dewasa¹⁹.

Lazimnya, semasa menuju ke era pendewasaan, seseorang kanak-kanak akan melalui dua peringkat pertumbuhan fisiologi, yang diklasifikasikan oleh para fuqaha' sebagai peringkat sebelum dan selepas mumaiyiz. Peringkat sebelum mumaiyiz bermula semenjak seseorang mula dilahirkan ke dunia sehingga mereka hampir berusia 7 tahun. Pada peringkat ini, kanak-kanak belum dapat membezakan sesuatu yang buruk dengan sesuatu yang baik. Mereka juga tidak mengetahui kesan atau akibat sesuatu perbuatan yang dilakukan kerana belum mempunyai keupayaan untuk memahami (*idrāk*).²⁰

Manakala peringkat mumaiyiz bermula apabila seseorang mencapai usia 7 tahun (fuqaha' menyifatkan usia ini sebagai usia minimum mumaiyiz)²¹, berdasarkan hadith Rasulullah s.a.w:²²

مُرُوا الصَّبِيَّ بِالصَّلَاةِ إِذَا بَلَغَ سَبْعَ سِنِينَ
وَإِذَا بَلَغَ عَشْرَ سِنِينَ فَأَضْرِبُوهُ عَلَيْهَا ...

Yang bermaksud:

Ajarlah kanak-kanak bersembahyang ketika berumur 7 tahun, dan pukullah mereka ketika berumur 10 tahun...

Hadith di atas membawa maksud bahawa daya berfikir seseorang bermula ketika mereka berusia 7 tahun, kerana itulah mereka boleh belajar dan diajar sembahyang. Walau bagaimanapun, keupayaan berfikir dan memahami (*idrāk*) pada masa ini masih berada pada tahap yang lemah, berbanding mereka yang telah dewasa. Oleh sebab itu, fuqaha' membahagikan peringkat mumaiyiz ini kepada dua bahagian, iaitu peringkat belum sempurna (*al tamyīz al nāqish*) dan peringkat sudah sempurna (*al tamyīz al tāmm*). Pada peringkat mumaiyiz yang telah sempurna, seseorang tidak lagi dipanggil sebagai kanak-kanak, sebaliknya pemuda atau orang muda. Manakala umur maksimum mumaiyiz dipersetujui oleh para fuqaha' berdasarkan had umur baligh seseorang.²³

Pengetahuan mengenai sifat-sifat yang dinyatakan di atas perlu bagi menentukan jenis-jenis hukuman yang bersesuaian bagi seseorang pesalah. Ini kerana, pesalah yang tidak dapat dihukum dengan hukuman yang sepatutnya dengan kesalahan yang dibuat, akan dikenakan hukuman gantian sebagai

peringatan dan pengajaran kepada mereka. Ini penting agar mereka tidak akan mudah bertindak melakukan kesalahan pada masa-masa akan datang.

5.3: Elemen-elemen Yang Menentukan Hukuman Terhadap Pesalah Menurut Islam

Seseorang yang melakukan sesuatu kesalahan, tidak kesemuanya boleh dihukum sejajar dengan perbuatan salah yang dilakukan. Ini kerana sebelum sesuatu hukuman diputuskan, seseorang mestilah dipastikan benar-benar bersalah, iaitu mempunyai niat, seiringan dengan perbuatan.

Menurut Islam, sesuatu hukuman bagi setiap kesalahan adalah tertakluk kepada tanggungjawab jenayah pada diri seseorang pesalah. Bagaimanapun, tidak semua individu mempunyai tanggungjawab jenayah yang serupa, dan perbezaan ini adalah bergantung kepada perbezaan peringkat hidup seseorang. Menurut 'Izzuddīn al Danāsuri dan 'Abdul Ḥamid al Syuwāribi,²⁴ setiap manusia akan melalui tiga peringkat kehidupan yang akan menentukan perbezaan tanggungjawab dan liabiliti mereka, iaitu:-

1. peringkat sebelum mumaiyiz- ia bermula semenjak seseorang dilahirkan sehingga mereka mencapai usia tujuh tahun,
2. peringkat sesudah mumaiyiz- ia bermula apabila seseorang telah berusia tujuh tahun sehingga terdapat tanda-tanda baligh, dan
3. peringkat baligh- ulama berbeza pendapat dalam mengkadarkan umur baligh bagi seseorang. Jumhur fuqaha mengatakan apabila sempurna umurnya 15 tahun. Abū Ḥanīfah mengkadarkannya 18 tahun bagi lelaki dan 17 tahun bagi wanita.

Dua elemen penting yang menentukan kewujudan tanggungjawab jenayah seseorang ialah daya sedar (*idrāk*) dan daya pilih (*ikhtiyār*). Peringkat pertama kehidupan manusia ialah peringkat ketiadaan daya sedar, sementara peringkat kedua pula ialah peringkat mempunyai daya sedar yang tidak penuh. Pada peringkat ketiga pula, barulah manusia dikira mempunyai daya sedar yang penuh, dan peringkat ini disepakati oleh jumhur fuqaha bermula dari usia lima belas tahun²⁵. Pandangan ini berdasarkan hadith riwayat Nāfi' bahawa Rasulullah s.a.w bersabda²⁶:

عَنْ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِيَّ (ص) عَرَضَهُ
 يَوْمَ أُحُدٍ وَهُوَ ابْنُ أَرْبَعِ عَشْرَةَ فَلَمْ يَجِزْهُ وَعَرَضَهُ
 يَوْمَ الْخَنْدَقِ وَهُوَ ابْنُ خَمْسِ عَشْرَةَ فَأَجَازَهُ ...

Yang bermaksud:

'Abdullah bin 'Umar meriwayatkan bahawa, ketika persiapan untuk peperangan Uhud, beliau telah ditunjukkan kepada Nabi s.a.w. (supaya diterima untuk turut berperang). Ketika itu, beliau baru berumur 14 tahun. (Apabila baginda melihatnya dan mengetahui umurnya baru 14 tahun) baginda tidak membenarkannya mengambil bahagian dalam peperangan tersebut. Kemudian semasa persiapan untuk peperangan Khandaq, beliau ditunjukkan lagi kepada baginda, ketika itu beliau berumur 15 tahun. (Apabila baginda melihatnya dan mengetahui umurnya sudah meningkat 15 tahun) baginda mengizinkannya untuk mengambil bahagian dalam peperangan tersebut.

Tanggapan ini adalah berdasarkan kanak-kanak atau juvenil yang telah berusia lima belas tahun, kebiasaannya sudah berupaya membezakan antara yang baik dengan yang buruk, atau memilih antara kedua-dua perbuatan tersebut²⁷. Bagaimanapun, Abū Ḥanīfah dan Imām Mālik berpendapat, peringkat memiliki daya sadar yang penuh ini bermula apabila seseorang mula berusia lapan belas tahun.²⁸ Pendapat ini adalah bersandarkan firman Allah s.w.t:

وَلَا تَقْرَبُوا مَالَ الْيَتِيمِ إِلَّا بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ حَتَّىٰ
يَبْلُغَ أَشُدَّهُ ...

Yang bermaksud:

Dan janganlah kamu hampiri harta anak-anak yatim melainkan dengan cara yang baik (untuk mengawal dan mengembangkannya) sehingga ia sampai *asyuddah* (dewasa serta layak untuk menguruskan hartanya sendiri).

(*al An'ām: 152*)

Perkataan *asyuddah* di dalam ayat di atas adalah bermaksud dewasa serta berkemampuan untuk menguruskan harta, dan biasanya dicapai oleh mereka yang telah berusia lapan belas tahun (juga had umur maksima bagi baligh)²⁹.

Di dalam Islam, terdapat tiga kategori pesalah yang umumnya akan terlepas daripada tanggungjawab jenayah. Ini bermakna, mereka tidak akan dikenakan hukuman yang sepatutnya bagi kesalahan yang dilakukan. Pertimbangan ini dibuat berdasarkan wujudnya beberapa faktor yang menghalang hukuman tersebut dilaksanakan ke atas mereka. Mereka terdiri daripada pesalah yang³⁰:

1. melakukan kesalahan di dalam keadaan tidur (tidak sedar), atau
2. melakukan kesalahan sewaktu masih kanak-kanak (belum baligh), atau
3. melakukan kesalahan semasa tidak siuman (gila).

Keistimewaan ini dijelaskan berdasarkan hadith Rasulullah s.a.w yang diriwayatkan oleh 'Ali bin Abi Ṭālib dan 'Aisyah r.a.³¹

رُفِعَ الْقَلَمُ عَنْ ثَلَاثَةٍ عَنِ النَّائِمِ حَتَّى يَسْتَيْقِظَ
وَعَنِ الصَّبِيِّ حَتَّى يَحْتَلِمَ وَعَنِ الْمَجْنُونِ حَتَّى يَعْهَلَ...

Yang bermaksud:

Tiga orang yang tidak dikira bertanggungjawab di atas perbuatannya, iaitu seorang yang tidur sehingga dia terjaga (sedar), seorang kanak-kanak sehingga dia bermimpi (baligh), dan seorang gila sehingga dia siuman.

Jelas di sini bahawa *idrāk* dan *ikhtiyār* adalah dua elemen penting yang akan menentukan corak hukuman yang akan dilalui oleh seseorang pesalah di dalam Islam. Tanpa kedua-dua elemen ini atau salah satunya, seseorang tidak akan dipertanggungjawabkan sepenuhnya atas perbuatan salah yang dilakukan. Ini bererti, hukuman yang sepenuhnya tidak akan dikenakan ke atas pesalah tersebut. Inilah antara aspek keadilan yang amat dipelihara di dalam Islam.

5.4: Hukuman Ke Atas Pesalah Juvenil Di Dalam Islam

Sebelum perbincangan diteruskan mengenai hukuman ke atas pesalah juvenil di dalam Islam, terlebih dahulu ditinjau jenis-jenis kesalahan yang terdapat di dalam Islam. Tinjauan umum ini bertujuan menjelaskan situasi sesuatu kesalahan dan hukumannya sebelum ianya melibatkan pesalah juvenil.

5.4.1: Jenis-jenis Kesalahan Di Dalam Islam

Terdapat tiga jenis kesalahan di dalam Islam, iaitu kesalahan *ḥudūd*, *qiṣās* dan *ta'dhīr*. Kesalahan *ḥudūd* ialah suatu kesalahan yang ditentukan kadar hukuman atau keseksaan oleh Allah s.w.t, dan ianya adalah hak Allah s.w.t, dalam ertikata tidak boleh ditukar ganti, diubahsuai atau dipinda oleh sesiapa pun³². Ia merangkumi kesalahan zina, qazaf, minum arak atau minuman yang memabukkan, mencuri, merompak atau menyamun, murtad dan menderhaka atau memberontak terhadap pemerintah Islam³³. Kesalahan *qiṣās* pula ialah kesalahan yang juga telah ditentukan kadar hukuman oleh Allah s.w.t, tetapi ianya menjadi hak manusia, iaitu mangsa atau warisnya, sama ada untuk meneruskan hukuman terhadap pesalah, menukarkan hukuman kepada bentuk *diyāt* (pampasan atau gantirugi), atau memaafkan pesalah³⁴. Kesalahan *qiṣās* merangkumi jenayah membunuh, memukul dan mencederakan manusia, serta menggugurkan kandungan³⁵. Manakala kesalahan *ta'dhīr* ialah kesalahan yang tidak ditentukan kadar dan jenis hukumannya oleh Allah s.w.t, dan tergolong sebagai hak Allah s.w.t atau hak manusia. *Ta'dhīr* boleh diertikan sebagai hukuman pemulihan, dan bentuknya adalah terpulung kepada penentuan *ulil amri*, bergantung kepada kadar kesalahan yang dilakukan³⁶. Kesalahan *ta'dhīr* terdiri daripada kesalahan-kesalahan selain daripada *ḥudūd* dan *qiṣās*,

umpama kesalahan yang melibatkan nyawa manusia dan harta benda, kesejahteraan awam, kesusilaan, moral, agama dan sebagainya. Secara tabi'inya, hukuman *ta'dhīr* bersifat lebih anjal daripada hukuman *ḥudūd* atau *qiyās*. Namun demikian, fuqaha sependapat bahawa meskipun semua hukuman bagi kesalahan dari bahagian jenayah *ta'dhīr* adalah terpulang kepada budi bicara hakim atau pemerintah, namun ianya hendaklah ditetapkan secara *qiyās* daripada mana-mana nas syarak³⁷.

5.4.2: Hukuman-hukuman Ke Atas Pesalah Juvenil Di Dalam Islam

Tiga bentuk hukuman di atas hanya dikenakan kepada pesalah yang telah mukallaf, iaitu mereka yang telah baligh dan dewasa. Bagi pesalah kanak-kanak atau pesalah juvenil, mereka telah diperuntukkan hukuman yang khas, sesuai dengan tahap usia mereka yang belum dikira mukallaf. Ini bererti mereka tidak boleh dikenakan hukuman sebagaimana pesalah dewasa.

Bentuk-bentuk hukuman yang melibatkan pesalah juvenil di dalam Islam adalah seperti berikut:

a) Kesalahan *Hudūd*

Pesalah juvenil yang didapati terlibat dalam perbuatan jenayah *hudūd*, hukumannya adalah *ta'dhīr* seperti berikut:

- a) Sekiranya mereka terlibat dalam perbuatan yang menyerupai jenayah zina, juvenil tersebut tidak boleh dikenakan hukuman rejam atau sebatan sebagaimana pesalah dewasa yang disabitkan kesalahan mereka. Ini kerana pesalah juvenil tidak dikira *muḥṣan* walaupun telah berkahwin, juga tidak boleh dihukum sebat kerana masih belum mukalla³⁸. Dalam hal ini, hukuman *ta'dhīr* terhadap pesalah juvenil yang telah mumaiyiz sahaja dikenakan sebagai pengajaran, juga untuk membentuk peribadi mereka menjadi lebih baik³⁹. Seseorang fuqaha berpendapat bahawa pesalah ini juga mesti membayar *'irsy*, iaitu denda, khusus bagi juvenil lelaki di atas kesalahannya yang telah menghilangkan dara pasangannya⁴⁰. Sementara pesalah juvenil yang belum mumaiyiz yang melakukan kesalahan ini tidak dikenakan apa-apa hukuman. Ini kerana perbuatan zina yang dilakukan tidak dianggap perbuatan haram disebabkan ia bukan dikira zina dari segi hukum, cuma zina dari segi gambaran sahaja.⁴¹

- b) Sekiranya seseorang juvenil didapati melakukan kesalahan yang menyerupai jenayah *qadhaf*, dia juga tidak layak dikenakan hukuman *ḥadd*

memandangkan sifatnya yang masih belum mukallaf. Hukuman *ta'dhīr* di sini bertujuan membina peribadi bekas pesalah, bukan sebagai suatu hukuman jenayah terhadapnya.⁴²

- c) Hukuman *ta'dhīr* bagi juvenil yang didapati melakukan kesalahan meminum arak atau minuman yang memabukkan pula bertujuan agar mereka akan tercegah daripada meminum arak setelah mumaiyiz kelak.⁴³
- d) Hukuman *ta'dhīr* juga dikenakan terhadap juvenil yang melakukan kesalahan jenayah mencuri, dengan syarat ianya seorang yang mumaiyiz. Selain daripada itu, dia bertanggungjawab di atas barangan yang telah dicurinya.⁴⁴
- e) Hukuman *ta'dhīr* bagi pesalah juvenil yang didapati melakukan perbuatan jenayah rompakan adalah bertujuan untuk membentuk peribadi mereka di samping mesti bertanggungjawab terhadap harta dan nyawa mangsanya..⁴⁵
- f) Sekiranya terdapat juvenil yang terlibat dalam tindakan yang menyerupai murtad, fuqaha menganggap perbuatan mereka itu sebagai tidak sah. Perkara ini disebabkan ucapan juvenil tersebut yang tidak boleh dijadikan

asas pertanggungjawaban kepada perbuatan mereka, dan juga kerana akal mereka yang masih belum dianggap sempurna⁴⁶. Dalam hal juvenil yang telah mumaiyiz, sesetengah fuqaha menganggap tindakan mereka sebagai sah⁴⁷, memandangkan mereka sudah boleh berfikir. Namun demikian mereka tetap tidak boleh dikenakan hukuman *ḥudūd*. Menurut mazhab Ḥanafī, juvenil dalam kes ini hendaklah dipaksa kembali kepada agama Islam dengan cara menahan mereka⁴⁸, dan sekiranya mereka masih berdegil sehingga telah mencapai usia baligh, mereka hendaklah disuruh bertaubat dalam masa tiga hari. Jika mereka enggan bertaubat, barulah hukuman *ḥudūd* boleh dilaksanakan ke atas mereka⁴⁹. Walau bagaimanapun, menurut mazhab Shāfi'e dan Abū Yūsuf dari mazhab Ḥanafī, perbuatan murtad oleh juvenil yang sudah mumaiyiz tetap dianggap sebagai tidak sah.⁵⁰

- g) Sekiranya seseorang juvenil terlibat dalam kesalahan yang menyerupai perbuatan menderhaka kepada pemerintah Islam yang adil, mereka boleh diperangi, sama seperti penderhaka dewasa, iaitu semasa tempoh peperangan berlangsung, dan dibebaskan setelah peperangan tamat.⁵¹

b) Kesalahan *Qisās* Dan *Diyāt*

Sekiranya seseorang juvenil melakukan kesalahan yang hukumannya adalah *qisās*, iaitu suatu perbuatan yang berupa pembunuhan dengan sengaja atau seumpama sengaja, mereka tidak dianggap sebagai pesalah di sisi syarak, dan perbuatan mereka juga tidak dianggap sebagai jenayah, walaupun hakikatnya adalah suatu jenayah. Ini kerana perbuatan yang dilakukan tersebut tidak mengandungi unsur-unsur moral, iaitu *mukallaf* (pertanggungjawaban) dan *mukhtār* (pilihan sendiri). Perbuatan yang dilakukan itu juga tidak mengandungi unsur-unsur maksiat. Oleh sebab-sebab inilah, mereka tidak layak dikenakan hukuman *qisās*, memandangkan ia (*qisās*) adalah suatu bentuk hukuman yang berat dan tidak sepadan dengan tahap mereka selaku juvenil, juga tidak memenuhi syarat-syarat pelaksanaannya⁵².

Sebagai ganti kepada hukuman *qisās*, pesalah juvenil hendaklah dikenakan hukuman dalam bentuk *diyāt* yang berat (*diyāt mughallaḏah*) yang diambil daripada hartanya. Sekiranya dia tidak berharta, *diyāt* tersebut akan dianggap sebagai suatu hutang yang mesti dijelaskan secara tunai ataupun ansuran, bergantung kepada persetujuan keluarga si mangsa (pendapat yang terkuat di dalam mazhab Syāfi'e)⁵³. Selain daripada itu, pesalah juvenil tersebut hendaklah dikenakan hukuman *kaffārah* daripada hartanya sendiri. Sekiranya

beliau tidak berharta, hukuman ini akan kekal di dalam tanggungannya menurut pendapat di dalam mazhab Syāfi'e⁵⁴. Walau bagaimanapun, mazhab Ḥanbalī mengecualikan mereka daripada dikenakan hukuman *kaffārah* tersebut.⁵⁵

Juvenil yang sudah mumaiyiz yang melakukan pembunuhan ke atas warisnya akan terhalang daripada menerima pusaka. Hukuman ini adalah berdasarkan hadith Rasulullah s.a.w yang diriwayatkan oleh 'Amr ibn Syu'aib:

لَيْسَ لِقَاتِلِ مِيرَاثٍ ...

Yang bermaksud:
Pembunuh tidak mendapat pusaka...⁵⁶

Ini menunjukkan bahawa tidak ada beza antara pesalah dewasa atau pesalah juvenil dalam soal penerimaan pusaka. Manakala juvenil yang melakukan pembunuhan secara tidak sengaja pula, hukumannya merupakan *diyāt* ringan yang ditanggung pembayarannya oleh 'āqilah (keluarga) dalam tempoh tiga tahun⁵⁷. Juvenil tersebut juga akan terhalang daripada menerima pusaka jika orang yang menjadi mangsa pembunuhan tidak sengajanya itu adalah warisnya⁵⁸. Namun menurut pendapat mazhab Ḥanafī dan Mālikī, mereka

tidak terhalang daripada menerima pusaka kerana sifat mereka yang masih belum *mukallaf*.⁵⁹

Juvenil yang melakukan jenayah kecederaan pula, sama ada dengan sengaja ataupun tidak sengaja, boleh dikenakan hukuman *diyāt*, sama ada dalam bentuk yang ringan atau yang berat, bergantung kepada niat mereka dan kadar kecederaan yang dialami mangsa. Selain daripada itu, juvenil tersebut juga boleh dikenakan hukuman *ta'dhīr* yang bertujuan membaiki akhlak dan moral mereka, di samping mendidik dan memberi pengajaran kepada mereka⁶⁰.

c) Kesalahan *Ta'dhīr*

Pesalah juvenil yang melakukan perbuatan kesalahan *ta'dhīr* pula, boleh dikenakan hukuman *ta'dhīr*, bergantung kepada budi bicara pihak berkuasa. Bagaimanapun, hukuman *ta'dhīr* ini hanya layak dikenakan ke atas juvenil yang telah mumaiyiz sahaja, manakala pesalah yang belum mumaiyiz tidak layak untuk menerima apa-apa hukuman, walaupun yang berbentuk pengajaran (*ta'dīb*).⁶¹

Sementara itu, terdapat berbagai-bagai jenis bentuk hukuman *ta'dhīr* terhadap juvenil yang telah mumaiyiz, umpamanya *ta'dhīr* yang berupa pukulan, marah,

menyerahkan mereka ke pusat-pusat pemulihan, meletakkan mereka di bawah pengawasan seseorang yang tertentu dan lain-lain lagi.⁶²

Sebagai kesimpulan dapat dinyatakan bahawa Islam amat berhati-hati sebelum mengenakan hukuman ke atas seseorang yang didakwa bersalah, terutamanya yang melibatkan golongan juvenil. Ini kerana sifat juvenil yang belum cukup syarat untuk dilaksanakan hukuman-hukuman asal seperti *hudūd* dan *qisās*, dan mereka hanya layak dikenakan *ta'dhīr* yang berupa pengajaran untuk mengubah peribadi mereka lebih daripada untuk menghukum.

5.5: Modul Pemulihan Bekas Pesalah Yang Selaras Dengan Islam

Setiap bekas pesalah juvenil perlu dibimbing dalam menjalani proses pemulihan akhlak. Ia bertujuan bagi membina keyakinan dan kekuatan diri, terutamanya dalam menangkis pengaruh negatif dan tekanan-tekanan yang boleh kembali merosakkan diri mereka. Dalam hal ini, Islam beranggapan bahawa pengisian dan pembangunan rohani adalah satu cara terbaik untuk membentuk akhlak seseorang, lebih-lebih lagi golongan seperti bekas pesalah juvenil yang agak ketandusan ilmu-ilmu agama mereka. Antara modul yang

disarankan di dalam Islam untuk pemulihan akhlak bekas pesalah juvenil adalah seperti:

a) Pendidikan Mengenal al Quran

Maksud pendidikan di sini bukan sekadar mengetahui cara-cara pembacaan al Quran, bahkan dapat memahami pengajaran yang terkandung di dalamnya. Ini kerana al Quran mengandungi segala pengajaran, panduan dan nasihat kepada seluruh umat manusia melalui penerangan ayat-ayat yang diturunkan, umpama ayat-ayat hukum, pendedahan kisah-kisah silam, penerangan tentang hari akhirat, penjelasan tentang kejadian alam dan manusia, dan lain-lainnya⁶³. Pemahaman segala unsur pengajaran dan nasihat dari al Quran boleh membentuk akhlak seseorang menjadi baik.

Cara al Quran mendidik manusia dapat dilihat melalui penurunan ayat-ayatnya secara berperingkat-peringkat. Pengharaman arak pada zaman Rasulullah, s.a.w, umpamanya, juga dijalankan secara berperingkat-peringkat, selaras dengan cara penurunan ayat-ayat mengenainya. Ini memandangkan fitrah manusia yang sukar untuk mengubah tradisi dan meninggalkan kebiasaan hidup yang sudah sebatik dengan diri mereka. Teguran agar mereka memperbaiki sikap buruk perlu dilakukan dengan penuh hikmah, iaitu sedikit

demi sedikit dan berterusan, selain perlu melibatkan komitmen kedua-dua pihak pembimbing dan bekas pesalah⁶⁴.

Menurut al Quran, fitrah kejadian manusia ialah dicipta dalam keadaan lemah, resah gelisah, mudah putus asa, suka berbantah, zalim, jahil dan sebagainya. Ini dijelaskan oleh Allah s.w.t di dalam firmanNya:

وَخَلَقْنَا الْإِنْسَانَ ضَعِيفًا...

Yang bermaksud:
Dan diciptakan manusia dalam keadaan lemah.
(*al Nisa`*:28)

Menurut al Ṭabarī, perkataan *ḍa'ifā* di sini bermaksud, kelemahan manusia untuk memerangi syahwat dan keinginan nafsunya⁶⁵.

Al Quran juga dapat menjadi rahmat dan penawar (*rahmah wa syifā`*) segala kesusahan dan panduan hidup manusia (*huda li al nās*). Ini berdasarkan firman Allah s.w.t:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ قَدْ جَاءَتْكُمْ مَوْعِظَةٌ مِنْ رَبِّكُمْ
وَشِفَاءٌ لِمَا فِي الصُّدُورِ وَهُدًى وَرَحْمَةٌ لِلْمُؤْمِنِينَ...

Yang bermaksud:

Wahai umat manusia, sesungguhnya al Quran telah datang kepadamu sebagai nasihat dan pengajaran dari Tuhanmu, ia menjadi penawar kepada segala penyakit batin di dalam dadamu, juga menjadi petunjuk untuk kebahagiaan dan rahmat untuk orang-orang yang beriman.

(*Yūnus:57*)

Sejajar dengan tarafnya sebagai mukjizat, al Quran mampu menangani segala kesusutan hidup manusia. Pemahaman al Quran dan cara pendidikan yang terkandung di dalamnya boleh dijadikan panduan dan pengajaran dalam mendidik dan membimbing bekas-bekas pesalah, terutamanya golongan juvenil yang masih muda. Mereka perlu sentiasa diawasi, dikawal, dibimbing dan diberi tunjuk ajar yang baik. Bagi yang beragama Islam, mereka perlu dipupuk minat berdampingan dengan al Quran, agar dapat memahami dan mempraktikkan pengajaran yang terkandung di dalamnya. Cara ini dapat memberikan mereka pedoman dan menjadi benteng daripada segala kejahatan dan dosa.

b) Sembahyang Dan Doa

Di samping al Quran, sembahyang dan doa juga dapat menguatkan lagi jiwa seseorang. Sembahyang adalah asas rawatan penyakit dan masalah rohani yang paling mujarab. Ini disebabkan sewaktu seseorang sembahyang, wujud satu

perhubungan secara langsung antara hamba dan Pencipta. Ia dapat memberi keinsafan, dan membina kekuatan rohani mereka.⁶⁶

Seseorang yang menunaikan sembahyang dapat merasai ketenangan dan kebahagiaan, mengurangkan kebimbangan dan marah, meningkatkan cinta kepada kebenaran, rasa rendah diri, dapat melembutkan hati, membentuk kasih sayang, melenturkan rasa benci dan dendam dan sebagainya. Sembahyang juga dapat mencegah seseorang daripada melakukan dosa dan maksiat kepada Allah s.w.t⁶⁷, sebagaimana firmanNya:

... إِنَّ الصَّلَاةَ تَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ

Yang bermaksud:

Sesungguhnya sembahyang dapat mencegah seseorang daripada perbuatan keji dan mungkar.

(al 'Ankabūt: 45)

Di samping sembahyang, manusia juga digalakkan memperbanyakkan doa kepada Allah s.w.t. pada setiap masa. Begitu juga mereka disuruh berdoa sekiranya menghadapi sebarang masalah dan tekanan hidup. Dengan berdoa, manusia akan merasa tenang di samping mendapat pertolongan Allah s.w.t.⁶⁸.

Pemupukan dan penekanan aspek-aspek sembahyang dan doa pada seseorang bekas pesalah akan dapat menenangkan jiwa mereka pada waktu-waktu susah, seperti tekanan yang dialami sewaktu dalam proses pembaikan diri, tekanan akibat pandangan serong masyarakat dan sebagainya.

c) Zikir

Pendidikan seseorang agar mengingati Allah juga adalah satu bentuk rawatan rohani yang amat berguna untuk ketenangan dan ketenteraman jiwa. Seseorang yang sentiasa berzikir dengan hati yang ikhlas boleh mendatangkan kesan yang baik kepada jiwa dan tingkah laku mereka. Zikir juga dapat menjadi perisai seseorang daripada gangguan iblis dan syaitan.

5.6: Kesimpulan

Berdasarkan perbincangan mengenai hukuman dan pemulihan pesalah juvenil di dalam Islam ini dapat disimpulkan bahawa syariat Islam telah membuat suatu garis pemisah yang khusus dalam bentuk-bentuk hukuman di antara pesalah kanak-kanak dengan pesalah dewasa.⁶⁹ Sekiranya seseorang dewasa melakukan kesalahan, mereka mesti dihukum dengan hukuman-hukuman yang telah ditetapkan oleh syarak. Namun sekiranya pesalah kanak-kanak melakukan kesalahan yang serupa, Islam telah menetapkan beberapa garis panduan khusus dalam bentuk hukuman ke atas mereka kerana ia lebih bersifat mendidik daripada menghukum. Hukuman, dalam apa jua situasi, tidak semata-mata bertujuan menyakiti atau menghina pesalah, malah memulihkan mereka. Pemulihan pesalah juvenil, terutamanya, perlu bagi menghindarkan mereka terbiasa melakukan kesalahan sehingga dewasa. Syariat Islam memperakui bahawa kemantapan rohani banyak membantu membentuk akhlak yang baik pada diri seseorang, kerana itu modul-modul pemulihan akhlak menurut Islam lebih menekankan aspek kerohanian lebih daripada pemulihan fizikal. Seseorang yang berakhlak mulia secara tidak langsung tidak berminat untuk melibatkan diri dalam perbuatan-perbuatan yang boleh mencemarkan peribadi mereka.

Nota Hujung

¹ 'Awdah, 'Abdul Qadīr (t.t), *al Tasyrī' al Jinā'i al Islāmī*; Jilid I, Beirut:Dār al Kitāb al 'Arabī, m.s 609.

² al Syātibī, Abū Ishāq Ibrāhīm bin Mūsā (1970), *al Muwāfaqāt fī Uṣūl al Aḥkām*; Jilid II, Qāhirah: al Salafīyyah, m.s.113.

³ al Ghazzālī, 'Abdul Ḥamīd (1322H), *al Mustafā min 'Ulūm al Uṣūl*; Jilid I, Qāhirah: Bulāq, m.s.188-287.

⁴ Muhammad Muslehuddin (1992), **Jenayah Dan Doktrin Islam Dalam Tindakan Pencegahan**; (Terjemahan), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, m.s 3.

⁵ al Jazīrī, 'Abdul Raḥmān (t.t), *Kitāb al Fiqh 'alā al Madhāhib al Arba'ah*; Jilid V, (t.k): Dār al Irsyād, m.s.1.

⁶ 'Awdah, 'Abdul Qadīr (t.t), op.cit., Jilid I, m.s.609; Ibn Ḥumām, Kamāl al Dīn Muḥammad bin 'Abd al Waḥīd al Siwāsīy (1970), *Syarḥ al Faṭḥ al Qadīr*; Jilid V, Qāhirah: Muṣṭafā al Ḥalabī, m.s.212; Abū Zahrah, Muḥammad (t.t), *al Jarīmah wa al 'Uqūbah fī al Fiqh al Islāmī (al 'Uqūbah)*; Qāhirah: Dār al Fikr al 'Arabī, m.s.8-10.

⁷ Paizah Haji Ismail (1991), **Undang-undang Jenayah Islam**; Petaling Jaya:Dewan Pustaka Islam, m.s.84.

⁸ ibid, m.s.85.

⁹ Ibn Qayyim al Jauziyyah (1350H), *I'lām al Muwaqqi'in 'an Kalām Rabb al 'Alamīn*; Jilid II, Qāhirah: al Kurdī, m.s.123.

¹⁰ Mahfodz Mohamad (Dr) (1985), **Jinayah Dalam Islam: Satu Kajian Ilmiah Mengenai Hukum-hukum Hudud**; Kuala Lumpur:Nurin Enterprise, m.s.2-3.

¹¹ Abdul Rahman Abdul Khaliq (1987), **Hukum Hudud Wajib Dilaksanakan**; (Terjemahan), Shah Alam: Penerbitan Hizbi, m.s.36.

¹² Aishah Hassan (1988), **Pendekatan Islam Terhadap Pendidikan Anak-anak-Bahagian Satu**; Kuala Lumpur:Pustaka Salam, m.s.25-26.

¹³ ibid., m.s.27-29.

¹⁴ Wahbah al Zuḥaylī (Dr) (1992), **Mengenal Hukum Hudud (Qazaf, Mencuri, Merompak Dan Minum Arak)**; (Terjemahan), Kota Bharu:Dian Darulnaim Sdn.Bhd., m.s.8-9.

¹⁵ *ibid*; Sejarah mencatatkan kejayaan kerajaan Arab Saudi dalam mengurangkan kadar jenayah kecurian dan rompakan di negara tersebut dengan pelaksanaan hukuman hudud ke atas pencuri dan perompak. Dalam tempoh 25 tahun, hanya 16 orang sahaja yang dikenakan hudud, berbanding sebelum pelaksanaan hudud, masalah jenayah kecurian dan rompakan sukar untuk dikawal dan diatasi.

¹⁶ *ibid.*, m.s.20-21.

¹⁷ Paizah Haji Ismail (1991), *op.cit.*, m.s.91.

¹⁸ Alwi Hj Abdul Rahman (1999), **Jenayah Kanak-kanak Menurut Undang-undang Islam**; Kuala Lumpur:Dewan Bahasa Dan Pustaka, m.s.8-9.

¹⁹ al Jaziri, 'Abdul Raḥmān (t.t), *op.cit.*; Jilid II, Beirut: Dār al Fikr, m.s.350.

²⁰ 'Awdah, 'Abdul Qadīr (t.t), *op.cit.*, Jilid I, m.s.601.

²¹ Abū Zahrah, Muḥammad (t.t), *op.cit.*, (*al Jarīmah*), m.s. 462.

²² Abū Dāwūd, Sulaimān bin al Ash'ath bin Ishāq al Sajistānī (1980), *Sunan Abī Dāwūd*; Dicitak bersama, al Ḥafīz al Mundhīrī, *Mukhtaṣār Sunan Abī Dāwūd (Kitāb al Ṭahārah)*, Jilid I, Beirut: Dār al Ma'rifah, m.s.270.

²³ 'Awdah, 'Abdul Qadīr (t.t), *op.cit.*, Jilid I, m.s.602; Abū Zahrah, Muḥammad (t.t), *op.cit.*, (*al Jarīmah*), m.s.462; Ibn Nujaym, Zain al 'Ābidīn bin Ibrāhīm (1968), *al Asybah wa al Naẓā'ir 'alā Madhhab Abī Ḥanīfah al Nu'mān*; Qāhirah: Mu'assasah al Ḥalabī, m.s.306.

²⁴ 'Izzuddīn al Danāsuri, 'Abdūl Ḥamid al Syuwāribī (t.t), *al Mas'ūliyyah al Jinā'iyah fī Qānūn al 'Uqūbāt wa al Ijrā'āt al Jinā'iyah*; (t.k): Dār al Maṭbū'ah al Jamā'iyyah, m.s.727-729.

²⁵ 'Awdah, 'Abdul Qadīr (t.t), *op.cit.*, Jilid II, m.s.602-603; al Kāsānī, 'Alā'uddīn Abū Bakr ibn Mas'ūd (1328H), *Badā'i' al Ṣanā'i' fī Tartīb al Syari'*; Jilid VII, Qāhirah: al Jamāliyyah, m.s.171; Paizah Haji Ismail (1991), *op.cit.*, m.s.32.

²⁶ Abū Dāwūd, Sulaimān bin al Ash'ath bin Ishāq al Sajistānī (1980), *op.cit.*, (*Kitāb al Hudūd*), Jilid VI, Beirut: Dār al Ma'rifah, m.s.233.

²⁷ Abū Zahrah, Muḥammad (t.t), *op.cit.*, (*al Jarīmah*), m.s.464.

²⁸ 'Awdah, 'Abdul Qadīr (t.t), *op.cit.*, Jilid II, m.s.602-603; al Kāsānī, 'Alā'uddīn Abū Bakr ibn Mas'ūd (1328H), *op.cit.*, Jilid VII, m.s.171; Paizah Haji Ismail (1991), *op.cit.*, m.s.32.

²⁹ al Kāsānī, 'Alā'uddīn Abū Bakr ibn Mas'ūd (1328H), *op.cit.*, Jilid VII, m.s.172; al Jaziri, 'Abdul Raḥmān (t.t), *op.cit.*, m.s.350.

³⁰ Abū Dāwūd, Sulaimān bin al Ash'ath bin Ishāq al Sajistānī (1980), op.cit., (*Kitāb al Hudūd*), Jilid VI, m.s.232.

³¹ ibid.

³² al Jazīrī, 'Abdul Raḥmān (t.t), op.cit., Jilid V, m.s.1; 'Awdah, 'Abdul Qadīr (t.t), op.cit., Jilid I, m.s.79; Abū Zahrah, Muḥammad (t.t), op.cit., (*al Jarīmah*), m.s.55; Ibn Ḥumām, Kamāl al Dīn Muḥammad bin 'Abd al Wahīd al Siwāsīy (1970), op.cit., Jilid V, m.s.212; al Kāsānī, 'Alā'uddīn Abū Bakr ibn Mas'ūd (1328H), op.cit., Jilid VII, m.s.33.

³³ 'Awdah, 'Abdul Qadīr (t.t), op.cit., Jilid I, m.s.79; Mahfodz Mohamad (Dr) (1985), op.cit., m.s.10; Mat Saad Abd Rahman (1989), **Undang-undang Jenayah Islam: Jenayah Qisas**; Petaling Jaya: al Rahmaniah, m.s.10-11.

³⁴ Abū Zahrah, Muḥammad (t.t), op.cit., (*al Jarīmah*), m.s.55; 'Awdah, 'Abdul Qadīr (t.t), op.cit., Jilid I, m.s.79; Mahfodz Mohamad (Dr) (1985), op.cit., m.s.11.

³⁵ 'Awdah, 'Abdul Qadīr (t.t), op.cit., Jilid I, m.s.79.

³⁶ Muhammad Muslehuddin (1992), op.cit., m.s.29.

³⁷ Abū Zahrah, Muḥammad (t.t), *Uṣūl al Fiqh*; Qāhirah: Dār al Fikr al 'Arabī, m.s.259.

³⁸ Al Ḥijāwī al Maqdisī, Abū Najā Syaraf al Dīn Mūsā (t.t), *al Iqnā' fī Fiqh al Imām Aḥmad Ibn Ḥanbal*; Jilid IV, Beirut: Dār al Ma'rifah, m.s.253; Ibn 'Ābidīn, Muḥammad Amīn (1966), *Ḥāsyiah Radd al Muḥtār 'alā al Durr al Mukhtār*; Jilid IV, Qāhirah: Muṣṭafā al Ḥalabī, m.s.5.

³⁹ al Bayjūrī, Ibrāhīm (1280H), *Ḥāsyiah Ibrāhīm al Bayjūrī*; Jilid II, Bulāq, Miṣr: Dār al Ṭib'ah al Kubrā al Miṣriyyah, m.s.387; al Ḥijāwī al Maqdisī, Abū Najā Syaraf al Dīn Mūsā (t.t), op.cit., Jilid IV, m.s.253; 'Awdah, 'Abdul Qadīr (t.t), op.cit., Jilid II, m.s.356.

⁴⁰ al Ardabīlī, Yūsuf (1910), *al Anwār li A'māl al Abrār*; Jilid II, Miṣr : Maṭba'ah al Jamāliyyah, m.s. 278.

⁴¹ al Bayjūrī, Ibrāhīm (1280H), op.cit., Jilid II, m.s.383.

⁴² ibid., m.s. 329; Ibn 'Ābidīn, Muḥammad Amīn (1966), op.cit., Jilid IV, m.s. 45.

⁴³ al Maḥallī, Jalāl al Dīn Muḥammad bin Aḥmad (1956), *Syarḥ Minhāj al Ṭalībīn*; Jilid IV, Qāhirah: Muṣṭafā al Ḥalabī, m.s.202; al Kāsānī, 'Alā'uddīn Abū Bakr ibn Mas'ūd (1328H), op.cit., Jilid VII, m.s.39.

⁴⁴ Ibn 'Ābidīn, Muḥammad Amīn (1966), op.cit., Jilid IV, m.s.83; al Qalyūbī (1965), *Ḥāsyiah*; Jilid IV, Qāhirah: Muṣṭafā al Ḥalabī, m.s. 196.